

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 11 JULAI 2020
AKHBAR : BERITA HARIAN ONLINE
MUKA SURAT :

Pendekatan bersasar diguna basmi kemiskinan



Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), Datuk Seri Mustapa Mohamed ketika hadir dalam perjumpaan petugas dan pemimpin masyarakat di Dewan Semai Bakti, Felda Kemahang 2. -Foto NSTP /Nik Abdullah Nik Omar

TANAH MERAH: Kerajaan akan memberi fokus kepada golongan di bawah pendapatan RM2,500 dalam usaha membasmi garis kemiskinan penduduk di negara ini.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), Datuk Seri Mustapa Mohamed, berkata strategi tepat akan dirangka bagi memastikan mereka yang berada dalam kategori B40 itu dapat meningkatkan pendapatan isi rumah.

"Kita gunakan pendekatan bersasar yang mana akan sasarkan kumpulan tertentu dan menjadi tumpuan kita atau penambahbaikan ialah untuk pecahkan B40 kepada empat kumpulan.

"Dalam kumpulan ini yang paling rendah adalah yang berpendapatan kira-kira RM2,500 ke bawah dan ini akan menjadi tumpuan kita," katanya pada sidang media di Dewan Semai Bakti, Felda Kemahang 2, di sini, hari ini.

Mustapa berkata, kemiskinan luar bandar memang lebih tinggi dari di bandar dan dipelopori kaum Melayu manakala Sabah dan Kelantan adalah negeri yang mempunyai kadar kemiskinan paling tinggi.

Justeru, dengan maklumat tepat akan diperolehi, usaha untuk melaksanakan pendekatan bersasar itu akan dapat dijalankan dengan lancar.

"Yang penting kita kena rangka satu strategi yang bertepatan kerana kemiskinan ini ada di mana-mana sahaja.

"Insya-Allah dengan maklumat lebih tepat yang kita perolehi ini, kita akan rangka strategi yang lebih tepat termasuklah untuk memastikan bahawa pendekatan kita ialah bersasar," katanya.

Terdahulu, beliau hadir dalam majlis di sini untuk berjumpa dan bertanya khabar bersama lebih 100 peneroka di FELDA Kemahang, di sini.

Beliau berkata, esok pertemuan akan diadakan bersama Pasukan Petugas Khas yang diwujudkan oleh Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, baru-baru ini dalam usaha menangani isu membabitkan FELDA.

Katanya lagi, dalam pertemuan itu nanti pihaknya akan diberi taklimat mengenai cadangan untuk memantapkan lagi prestasi FELDA sebelum dibentangkan kepada Perdana Menteri pada September ini.

"Setahun yang lalu kita sudah bentangkan kertas putih FELDA di parlimen dan kita hendak tahu setakat mana perakuan dan tindakan yang dilakukan.

"Kita juga hendak melihat model baharu FELDA untuk mempelbagaikan pendapatan membabitkan lebih 110,000 keluarga semuanya.

"Di Kemahang dan Gua Musang ini Alhamdulillah, tiada masalah besar dan kita akan teruskan kerja untuk memajukan kawasan di sini," katanya.

Sumber : <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/07/709587/pendekatan-bersasar-diguna-basmi-kemiskinan>